# نوتا ريغكس

# فنديديقن

# شريعة اسلامية

دسوسون اوليه :
أستاذ محمد جزمى محمد

***<u>Teknik Menjawab PSI</u>***

***<u>01. Soalan Takrif / Pengertian :</u>***
**- 1 keratan : 1 markah . - 2 keratan : 1 markah. 3 keratan : 2 markah.**

***<u>02. Pendapat Ulamak :.</u>***

**- nama ulamak / pendapat ulamak : 2 markah**

***03. Soalan Nyatakan. :***
**- Fakta. Tak perlu huraian.**

***04. Soalan Terangkan, Jelaskan, Huraikan :.***
**- Perlukan keterangan, penjelasan, huraian @ ayat. ( Isi : 1 markah / Huraian : 1 markah )**

***05. Jawapan Tertib / Susunan :.***
**- Mesti ikut susunan.**

***06. Soalan Sebab Nuzul :***
**- Siapa : nama individu yang terlibat. ( silap bin @ binti tiada markah ) / - Perkara yang berlaku / - Cerita / - Penutup / - Turun ayat @ Jawapan dari Nabi (mesti tulis)**

***07. Soalan Istinbat Hukum :***
**- Lafaz / - Makna @ kaedah / - Hukum / - Kesimpulan.**

***08. Soalan Hukum dan Alasan***
***09. Soalan Penyelesaian Masalah.***
***10. Soalan Perbezaan dan Persamaan***

***11. Soalan Respon Terhad***
**- Maksud / Sebab / Kesan / KBKK. - Contoh : Rukun Haji**

***12. Soalan Respon Terbuka:***
**- Hikmah / KBKK**

13. Soalan Berkaitan Punca / faktor */ Sebab :*

**- Kurang didikan agama / yang menyebabkan mereka ................................**
**- Kurang keimanan / menyebabkan mereka jauh dari Allah**
**- Pengaruh media massa / merangsang mereka ....................................**
**- Pengaruh rakan sebaya / mendorong ...............................**
**- Kurang perhatian ibubapa / menyebabkan ........................................**

***14. Soalan Cara Mengatasi / Langkah-langkah :***
**- Mengadakan kempen / tentang ...........................................**
**- Kuatkuasa undang-undang / supaya ...................................**
**- Didikan agama / supaya ....................................................**
**- Aktiviti berfaedah / seperti ..................................................**

ANALISIS SOALAN PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH
( KERTAS 2 )
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

| Ting | Tajuk | **04** | **05** | **06** | **07** | **08** | **09** | **10** | **11** | **12** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|

| | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4 | *** Bahagian Akidah *** | | | | | | | | | |
| | Iman Fitrah Manusia | | | | / | | | | | |
| | Peranan Iman | / | | / | / | | / | | | |
| | Islam Sebagai ad Din | | / | / | | | / | | | |
| | Kejadian Manusia | | / | | / | / | | | | |
| | Kejadian Alam | / | | | / | | | | | |
| 5 | Dosa dan Pahala | / | | | | | | | | |
| | Iman Bertambah dan Berkurang | | | / | | | / | | | |
| | Makrifat dan Taklid | | | | / | | | | | |
| | Af’al Allah dan Af’al Ibad | | | | | | / | | | |
| | Sejarah Perkembangan Ilmu Kalam | | | | | | | | | |
| | Ayat dan Hadis Mutasyabihat | | | / | | / | | | | |
| 4 | *** Bahagian Usul Fekah *** | | | | | | | | | |
| | Pengenalan Ilmu Usul Fekah | | / | / | | / | | | | |
| | Hukum Syarak | / | | | / | / | | | | |
| | Dalil Hukum Syarak | / | | / | / | | | | | |
| | Dalil Hukum Tidak Disepakati | / | / | | | / | / | | | |
| 5 | Am dan Khas | | | | / | / | / | | | |
| | Mutlak dan Muqayyad | | | | / | / | / | | | |
| | Nasakh | | | / | / | | / | | | |
| 5 | *** Bahagian Sejarah Perundangan Islam *** | | | | | | | | | |
| | Prinsip Perundangan Islam & Perkembangan | | | / | | | / | | | |
| | Perundangan Islam Zaman Penjajahan Barat | / | | | | | / | | | |
| 4 | *** Bahagian Ayat Hukum *** | | | | | | | | | |
| | Tayammum | | | | | | | | | |
| | Qiamullail | | | | | | | | | |
| | Puasa Ramadhan | | | | | / | | | | |
| | Adab Pergaulan Di Rumah | | / | | | | | | | |
| | Memelihara Ukhuwwah | | | | | | | | | |
| | Memberi Nasab Anak Angkat | | | | | | | | | |
| 5 | Berbakti Kepada Ibu Bapa | | | | | | | | | |
| | Memelihara Anak Yatim | / | | | | | / | | | |
| | Peperangan Dalam Islam | | | | / | | | | | |
| | Pembunuhan Tidak Sengaja | | | / | | | | | | |
| 4 | *** Bahagian Hadis Hukum *** | | | | | | | | | |
| | Mengubah Ciptaan Allah | / | | | / | | | | | |
| | Syak Dalam Solat | | | | | | / | | | |
| | Wasiat Dalam Islam | | | | | | | | | |
| | Memberi dan Menjawab Salam | | | / | | | | | | |
| Ting | Tajuk | **04** | **05** | **06** | **07** | **08** | **09** | **10** | **11** | **12** |
| 5 | Arak | | / | | | | | | | |
| | Zina | | | | | | | | | |
| | Bunuh Diri | | | | | | | | | |

| | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Berkelakuan Ganas & Mendedah Aurat | | | | | | | | | |
| | Wakaf | | | | | / | | | | |
| 4 | *** Bahagian Fekah *** | | | | | | | | | |
| | Sejarah Ibadat haji | | | / | | | / | | | |
| | Manasik haji | | | | | | / | | | |
| | Pelaksanaan Haji dan Umrah | / | | | | / | | | | |
| | Niabah Haji | | | | | | / | | | |
| | Pengurusan Haji di Malaysia | | | | / | | | | | |
| | Sembelihan | | | / | | | | | | |
| | Korban | | / | | | | | | | |
| | Akikah | | | | | | | | | |
| | Muamalat Dalam Islam | | | | | | | | | |
| | Muamalat Islam 1 | | | / | | | | | | |
| | Muamalat Islam 2 | | | | | | | | | |
| 5 | Perkahwinan | / | | / | | / | | | | |
| | Tanggungjawab Suami Isteri | | | | / | / | | | | |
| | Pembubaran Perkahwinan | | / | | | / | | | | |
| | Nusyuz, Zihar & Poligami | | / | | | | | | | |
| | Peranan Mahkamah Syariah di Malaysia | | | | | | | | | |
| | Konsep Kehakiman Dalam Islam | | | | | | | | | |
| | Jenayah Dalam Islam | | | | / | | / | | | |

Renungan

- Orang malas sering mengeluh tentang kekurangan waktu -

- Masa tak dapat ditambah, terlepas , tak dapat dikejar -

- Modal yang paling baik bagi seseorang ialah kerajinannya -

- Semangat yang kuat mampu mengatasi apa saja cabaran yang akan datang –

لا تؤخر عملك اليوم الى غدك

القراءة مفتاح العلم

الوقت كالسيف ان لم تقطعه قطعك

الأجتهاد أساس النجاح

Nota Ringkas : Takrif / Pengertian

| Bil | Perkataan | Pengertian |
|---|---|---|
| | **Akidah** | |

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Iman | Pengakuan dengan lisan, membenarkan dalam hati dan dibuktikan dengan amalan zahir. |
| 2 | Fitrah | Sesuatu yang semula jadi wujud dalam diri manusia mengikut apa yang terbaik untuk kepentingan manusia itu sendiri. |
| 3 | Ad Din | Satu cara hidup yang lengkap meliputi setiap aspek kehidupan manusia. |

**Usul Fekah**

| | | |
|---|---|---|
| 4 | Fekah | Pengetahuan tentang hokum syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf yang difahami melalui dalil-dalil tafsili. |
| 5 | Usul Fekah | Ilmu tentang kaedah-kaedah mengistinbat hokum syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf dari dalil-dalil tafsili. |
| 6 | Hukum Syarak | Khitabullah yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf sama ada berbentuk tuntutan, pilihan atau wad'i. |
| 7 | Iqtida' | Tuntutan melaksanakan sesuatu perintah sama ada tuntutan tersebut pasti atau tidak. |
| 8 | Takhyir | Khitabullah yang memberi pilihan kepada mukallaf sama ada hendak melakukan sesuatu atau tidak. |
| 9 | Wad'i | Khitabullah yang menunjukkan sesuatu sebagai sebab, syarat atau penghalang kepda sesuatu hokum. |
| 10 | Hukum Taklifi | Khitabullah yang mengandungi tuntutan ke atas mukallaf supaya melakukan atau meninggalkan sesuatu perbuatan atau mengandungi pilihan sama ada hendak melakukan sesuatu atau tidak. |
| 11 | Sebab | Sesuatu yang menjadi asas wujudnya sesuatu hokum Apabila ada sebab ada hokum, bila tiada sebab tiada hukum. |
| 12 | Syarat | Sesuatu yang kerana adanya ada hokum tetapi tidak semestinya apabila adanya ada hokum. |
| 13 | Manik | Sesuatu yang kerananya sesuatu hokum tidak dapat dilaksanakan sedangkan tanpanya hokum tersebut dapat dilaksanakan. |
| 14 | Al Quran | Kitabullah yang diturunkan ke atas Nabi Muhammad dalam bahasa Arab, mempunyai mukjizat, membacanya dikira ibadat dan disampaikan kepada generasi kemudian secara mutawatir. |
| 15 | As Sunnah | Percakapan dan perbuatan Rasulullah serta pengakuannya terhadap kenyataan atau tindakan orang lain. |
| 16 | Al Ijmak | Persepakatan para ulamak mujtahid umat Nabi Muhammad terhadap sesuatu hokum syarak pada sesuatu masa selepas kewafatan baginda. |
| 17 | Qias | Menyamakan masalah yang tidak dijelaskan hukumnya dalam nas dengan masalah yang dijelaskan hukumnya dalam |

| | | |
|---|---|---|
| | | nas kerana terdapat persamaan illah pada kedua masalah tersebut. |
| 18 | Al Istihsan | Menggunakan qias yang tidak nyata dengan meninggalkan qias yang nyata atau mengecualikan sesuatu perkara dari dalil atau kaedah umum berdasarkan dalil yang tertentu. |
| 19 | Al Masolih Mursalah | Menentukan hokum sesuatu berdasarkan kepada kemaslahatan tertentu yang tiada ketentuan nas mahupun ijmak yang menerima atau menolaknya. |
| 20 | Al Istishab | Menggunakan sesuatu hokum yang sabit melalui dalil pada masa lalu sehingga ada dalil lain yang mengubahnya. |
| 21 | Saddul Zaraai’ | Menghalang perkara-perkara harus yang boleh membawa kepada perkara-perkara yang haram. |
| 22 | Qaulu Sahabi | Kata-kata atau perbuatan orang yang pernah bertemu dengan Rasulullah dalam keadaan beriman serta berdampingan dengannya untuk jangka masa yang lama. |
| 23 | Amal Ahlu Madinah | Perkataan atau perbuatan yang disepakati oleh penduduk Madinah dalam lingkungan tiga kurun hijrah yang pertama. |
| 24 | Syar’u man qablana | Syariat rasul-rasul terdahulu yang terdapat dalam al Quran dan Sunnah tetapi tiada arahan supaya kita mengikuti atau menghindarinya. |
| 25 | Al uruf wal adat | Perkataan atau perbuatan yang menjadi kebiasaan sekumpulan manusia dan diterima baik oleh akal yang sejahtera. |

**Ayat Hukum**

| | | |
|---|---|---|
| 26 | Tayammum | Menyapu debu tanah yang bersih ke muka dan tangan hingga siku sebagi ganti kepada wuduk. |
| 27 | Qiamullail | Bangun waktu malam selepas tidur dengan tujuan beribadat kepada Allah. |
| 28 | Puasa | Menahan diri daripada melakukan perkara yang membatalkan puasa mulai terbit fajar hingga terbenam matahari disertai niat. |
| 29 | Mencela | Membuka keaiban orang lain. |
| 30 | Memanggil gelaran buruk | Memanggil seseorang dengan sesuatu yang mendatangkan kemarahan apabila mendengarnya. |
| 31 | Buruk sangka | Membuat tanggapan yang tidak baik terhadap seseorang tanpa usul periksa terlebih dahulu. |
| 32 | Mengintip | Mencari-cari keaiban orang lain dan menyelidiki rahsia mereka untuk mengetahui kelemahan atau keaibannya. |
| 33 | Al ghibah / Mengumpat | Perbuatan membicarakan keaiban dan keburukan seseorang yang tidak disukai sama ada dengan menyebutnya secara |

| | | |
|---|---|---|
| | | jelas atau secara isyarat. |

**Hadis Hukum**

| | | |
|---|---|---|
| 34 | Membuat tatu | Membuat tanda atau lukisan pada mana-mana anggota tubuh secara kekal. |
| 35 | Khusyuk | Melakukan solat dengan penuh perhatian kepada Allah dengan anggota badan dan hati. |
| 36 | Wasiat | Pesanan yang dibuat oleh seseorang kepada seseorang yang lain supaya melakukan kebaikan terhadap hartanya selepas dia meninggal dunia. |

**Fekah**

| | | |
|---|---|---|
| 37 | Haji | Mengunjungi Baitullah di Mekah untuk melakukan ibadat tertentu pada waktu tertentu dengan syarat tertentu. |
| 38 | Umrah | Mengunjungi Baitullah di Mekah untuk melakukan ibadat tertentu pada bila-bila masa. |
| 39 | Niat Ihram | Berniat menunaikan haji atau umrah secara berasingan atau kedua-duanya sekali. |
| 40 | Wukuf | Berada di Arafah walaupun seketika dari gelincir matahari pada hari ke 9 Zul Hijjah hingga terbit fajar hari 10 Zul Hijjah. |
| 41 | Tawaf | Mengelilingi Kaabah sebanyak 7 kali dengan syarat tertentu kerana Allah. |
| 42 | Saie | Berjalan ulang alik dari Safa ke marwah sebanyak 7 kali dengan syarat tertentu kerana Allah. |
| 43 | Bercukur | Bercukur atau bergunting rambut sekurang-kurangnya 3 helai. |
| 44 | Tahalull | Bebas daripada pantang larang semasa dalam ihram. |
| 45 | Miqat Zamani | Ketentuan masa untuk seseorang berniat ihram |
| 46 | Miqat Makani | Ketentuan tempat untuk seseorang berniat ihram |
| 47 | Haji Ifrad | Mengerjakan ibadat haji dab umrah secara berasingan . |
| 48 | Haji Tamattuk | Mengerjakan umrah terlebih dahulu dalam bulan-bulan haji. Kemudian dikerjakan haji dalam tahun yang sama. |
| 49 | Haji Qiran | Mengerjakan haji dan umrah dalam bulan-bulan haji secara serentak. |
| 50 | Dam | Denda yang wajib dilaksanakan oleh orang yang menunaikan haji atau umrah. |
| 51 | Niabah Haji | Haji dikerjakan oleh orang lain sama ada semasa dia masih hidup atau setelah meninggal dunia. |
| 52 | Sembelihan | Menghilangkan nyawa binatang daratan yang halal dimakan dengan menggunakan alat yang tajam kerana Allah. |

| | | |
|---|---|---|
| 53 | Korban | Penyembelihan binatang an'am yang dilakukan pada hari kesepuluh Zul Hijjah sehingga akhir hari Tasyrik dengan tujuan beribadat kepada Allah. |
| 54 | Akikah | Penyembelihan binatang an'am yang dilakukan ketika mencukur rambut bayi yang baru dilahirkan. |
| 55 | Muamalah | Tatacara atau peraturan dalam perhubungan antara sesama manusia untuk memenuhi keperluan masing-masing. |
| 56 | Jual beli | Memindah milik dengan ganti atas dasar kerelaan. |
| 57 | Khiar | Pihak pembeli dan penjual diberi hak membuat pilihan sama ada untuk meneruskan jual beli atau tidak meneruskannya dengan sebab-sebab tertentu. |
| 58 | Khiar Majlis | Pemilihan yang dilakukan semasa masih berada dalam majlis akad jual beli sama ada meneruskan jual beli atau membatalkannya. |
| 59 | Khiar Syarat | Persetujuan antara pihak-pihak yang berjual beli semasa akad sama ada jual beli itu diteruskan atau dibatalkan. |
| 60 | Khiar Aib | Pemilihan pembeli sama ada untuk meneruskan jual beli atau membatalkannya pada ketika didapati bahawa terdapat kecacatan pada barang yang dibeli. |
| 61 | Bai'u Salam | Jual beli dengan bayaran harganya secara tunai semasa akad dan penyerahan barang ditangguh sehingga ke satu masa yang ditetapkan. |
| 62 | Al Bai'u Bithamanin Ajil | Jualan dengan harga tangguh : menjual sesuatu dengan disegerakan penyerahan barang yang dijual kepada pembeli dan ditangguhkan bayaran harganya sehingga ke sesuatu masa ditetapkan atau dengan bayaran beransur-ansur. |
| 63 | Syarikat | Suatu kontrak antara dua pihak yang berkongsi modal dan untung. |
| 64 | Syarikat Inan | Perkongsian dua orang dalam urusan harta bahawa mereka akan memperdagangkan dengan keuntungan akan dibahagi dua. |
| 65 | Syarikat Mufawadah | Perkongsian dua orang atau lebih untuk melakukan kerjasama dalam sesuatu urusan. |
| 66 | Syarikat Wujuh | Dua orang atau lebih membeli sesuatu tanpa modal tetapi hanya bergantung kepada nama baik dengan keuntungan dikongsi bersama. |
| 67 | Syarikat Abdan | Dua orang atau lebih bersetuju untuk menerima pekerjaan, dengan ketentuan bahawa upah yang mereka terima dibahagikan menurut persetujuan masing-masing. |
| 68 | Al Mudharabah | Akad antara dua pihak yang mengandungi penyerahan modal oleh satu pihak kepada satu pihak lagi untuk berniaga dengan berkongsi untung. |

| | | |
|---|---|---|
| 69 | Rahnu / Gadaian | Menjadikan sesuatu barang yang berharga sebagai sandaran bagi hutang yang boleh dibayar dengannya apabila hutang itu tidak dapat dibayar. |
| 70 | Wadiah | Menyerahkan harta benda yang dimiliki oleh seseorang kepada seseorang yang lain untuk menjaganya. |
| 71 | Takaful | Satu kontrak di mana seseorang bertanggungjawab membantu seseorang lain apabila berlaku sesuatu kejadian yang ditentukan dalam kontrak. |
| 72 | Saham | Suatu kepentingan dalam syarikat. |

Tingkatan 5

| Bil | Perkataan | Pengertian |
|---|---|---|

**Akidah**

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Dosa | Balasan buruk daripada Allah disebabkan melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah atau meninggalkan sesuatu yang diperintahnya. |
| 2 | Pahala | Ganjaran baik yang dikurniakan oleh Allah kerana mematuhi perintahnya dan menjauhi larangannya. |
| 3 | Dosa Besar | Setiap dosa yang disebut di dalam al Quran dan hadis serta diakhiri sebutannya dengan ancaman api neraka atau seksaan-Nya. |
| 4 | Dosa Kecil | Segala kesalahan yang berada di luar batasan hokum had dan seksaan di akhirat yang mana larangannya tidak disertai dengan ancaman daripada Allah. |
| 5 | Makrifatullah | Mengetahui dan mempercayai dengan yakin tentang wujudnya Allah sebagai pencipta dan pentadbir seluruh alam yang bersifat dengan sifat kesempurnaan. |
| 6 | Tauhid Rububiah | Beriman bahawa Allah sahaja yang memiliki, mencipta, mentadbir alam dan seluruh makhluk. |
| 7 | Tauhid Uluhiah | Beriman bahawa Allah adalah tuhan yang berhak disembah dan dipatuhi. |
| 8 | Tauhid al Asma’ wa Sifat | Beriman bahawa Allah mempunyai segala sifat kesempurnaan dan bersih daripada sifat kekurangan serta sifat tidak layak baginya. |
| 9 | Taklid | Menerima atau mengambil pendapat orang lain tanpa mengetahui hujjahnya dari al Quran atau sunnah Rasulullah |
| 10 | Af ’al Allah | Setiap kejadian yang berlaku di alam ini dengan kehendak dan iradat Allah. |
| 11 | Af ’al Ibad | Setiap perbuatan dan tindakan manusia bergantung kepada usaha dan ikhtiar manusia sendiri. |
| 12 | Qadak | Pelaksanaan ketentuan Allah sejak azali lagi. |
| 13 | Qadar | Ketetapan yang telah ditentukan oleh Allah kepada makhluk |

| | | |
|---|---|---|
| | | sejak azali lagi seperti ajal. |
| 14 | Ayat & Hadis Mutasyabihat | Nas-nas yang secara zahirnya boleh menimbulkan kekeliruan terhadap sifat-sifat Allah yang menyerupai mahkluk. |
| | Ilmu Kalam | Ilmu yang membahaskan bagaimana untuk mengukuhkan kepercayaan agama Islam dengan hujjah yang kuat dan menolak keraguan daripadanya. |
| 15 | Ulamak Salaf | Mengimani bahawa nas-nas mutsyabihat adalah sabit kepada Allah dan tidak perlu ditafsir dan ditakwil. |
| 16 | Ulamak Khalaf | Mentakwilkan nas-nas mutasyabihat mengikut pengertian dan makna yang sesuai dengan sifat kemuliaan dan kebesaran Allah. |

**Sejarah Perundangan Islam**

| | | |
|---|---|---|
| 17 | Perundangan Islam | Sesuatu yang disyariatkan oleh Allah kepada hambanya daripada akidah, ibadat, akhlak, muamalah dan peraturan kehidupan untuk memberi kebahagiaan di dunia dan akhirat. |
| 18 | Sahabat | Mereka yang bertemu dengan nabi Muhammad dalam keadaan beriman kepadanya dan mati dalam keadaan Islam. |
| 19 | Tabi'in | Mereka yang bertemu dan bersahabat dengan sahabat nabi serta meriwayatkan hadis daripadanya. |

**Usul Fekah**

| | | |
|---|---|---|
| 20 | Am | Lafaz yang digunakan untuk makna yang umum dan merangkumi semua makna yang sesuai baginya. |
| 21 | Khas | Lafaz yang menunjukkan makna khusus bagi sesuatu perkara sama ada nama khas, jenis tertentu atau bilangan. |
| 22 | Takhsis | Membataskan sebahagian nas am dari hokum am dengan dalil. |
| 23 | Mutlak | Lafaz yang menunjukkan kepada sesuatu perkara atau beberapa perkara yang tidak tertentu dalam jenisnya serta tidak disertai dengan pengikatnya. |
| 24 | Muqayyad | Lafaz yang menunjukkan kepada sesuatu perkara atau beberapa perkara yang tidak didalam jenisnya tetapi disertai dengan sifat yang mengikatnya. |
| 25 | Nasakh | Membatalkan sesuatu hokum syarak dengan dalil syarak yang baru atau menghapuskan hokum syarak yang telah sabit dengan cara yang dikehendaki oleh syarak dalam bentuk-bentuk tertentu. |

**Hadis Hukum**

| | | |
|---|---|---|
| 26 | Arak | Setiap minuman yang memabukkan hasil daripada perahan anggur dan lain-lain. |
| 27 | Zina | Perhubungan seks haram antara lelaki dan perempuan tanpa ikatan perkahwinan yang sah. |

| | | |
|---|---|---|
| 28 | Wakaf | Menahan harta yang kekal bentuknya yang manfaatnya dapat digunakan untuk kebaikan. |

**Fekah**

| | | |
|---|---|---|
| 29 | Perkahwina n | Akad yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dan perempuan mengikut syarat yang tertentu. |
| 30 | Wali | Seorang yang mempunyai kuasa melakukan akad perkahwinan terhadap orang yang di bawah jagaannya tanpa bergantung kepada keizinan. |
| 31 | Mahar | Pemberian wajib daripada suami kepada isterinya disebabkan akad nikah. |
| 32 | Mahar Misil | Kadar yang ditentukan mengikut kadar mahar saudara perempuan pihak isteri yang telah berkahwin. |
| 33 | Mahar Musamma | Mahar yang disebut dalam akad yang ditentukan kadarnya dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. |
| 34 | Walimatul Urus | Jamuan atau kenduri yang diadakan sempena majlis perkahwinan bertujuan memberitahu orang ramai tentang perkahwinan tersebut. |
| 35 | Nafkah | Memberi perbelanjaan  kepada orang di bawah tanggungannya seperti makan, minum, tempat tingal dan pakaian secukupnya. |
| 36 | Mat’ah | Harta yang wajib di bayar oleh suami kepada isteri yang telah diceraikan atas kehendak suami dengan syarat tertentu. |
| 37 | Hadanah | Menjaga kanak-kanak yang belum mumaiyiz bagi sesiapa yang berhak menjaganya dengan mendidik dan mengurus dirinya hingga mumaiyiz. |
| 38 | Talak | Membatalkan atau melepaskan ikatan akad perkahwinan dengan menggunakan perkataan talak dan seumpamanya. |
| 39 | Rujuk | Suami mengembalikan isteri yang ditalak dengan talak raj’I kepadanya ketika isteri masih dalam iddah tanpa memerlukan  akan yang baru. |
| 40 | Iddah | Tempoh menunggu bagi seorang isteri untuk mengetahui kesucian rahimnya, mematuhi perintah Allah atau berduka cita atas kematian suami. |
| 41 | Fasakh | Membatalkan akad perkahwinan dengan sebab-sebab tertentu melalui kuasa hakim atas permintaan isteri atau suami. |
| 42 | Khuluk | Perpisahan antara suami isteri dengan bayaran tertentu kepada suami melalui lafaz talak atau khuluk. |
| 43 | Nusuz | Isteri yang derhaka terhadap suami dan mengabaikan kewajipan yang telah ditentukan oleh Allah. |
| 44 | Zihar | Seorang suami menyamakan isterinya dengan perempuan |

| | | |
|---|---|---|
| | | yang diharamkan kahwin dengannya selama-lamanya. |
| 45 | Poligami | Seorang lelaki yang berkahwin lebih daripada satu dalam satu masa. |
| 46 | Kehakiman | Menyelesaikan pertikaian dan tuntutan antara dua pihak atau lebih melalui proses undang-undang berdasarkan hukum syarak. |
| 47 | Jenayah | Larangan syarak yang ditetapkan oleh Allah dengan pembalasan had atau takzir sama ada melakukan perkara tegahan atau meninggalkan perkara yang disuruh. |
| 48 | Qisas | Hukuman yang sama dengan jenayah yang dilakukan terhadap orang lain yang melibatkan pembunuhan atau mencederakan jasmani. |
| 49 | Hudud | Hukuman yang ditentukan kadarnya oleh syarak sama ada ia menjadi hak Allah atau hak manusia. |
| 50 | Takzir | Hukuman terhadap perbuatan maksiat yang tidak ditentukan kadarnya oleh syarak. |

Nota : Perbezaan

| Ciri-ciri Orang Sempurna Iman | Ciri-ciri Orang Lemah Iman |
|---|---|
| Hati sentiasa tenang | Hati sentiasa gelisah |
| Sentiasa melakukan perbuatan baik | Malas melakukan kebaikan |
| Benci melakukan mungkar | Tidak takut melakukan kejahatan |

-

| Tarikah Mutakallimin | Tarikah al Ahnaf | Tarikah Muta'akhirin |
|---|---|---|
| Kaedah usul fekah dikukuhkan dengan dalil nakli dan akli. | Kaedah usul fekah berdasarkan hukum yang diputuskan oleh imam mazhab. | Gabungan Tarikah Mutakallimin dan Tarikah al Ahnaf. |
| Tidak memasukkan masalah fekah dalam penulisan. | Terdapat banyak masalah fekah dalam penulisan. | |
| Tarikah Syafi'ah | Tarikah Fukaha' | |

-

| Wuduk | Tayammum |
|---|---|
| Azimah | Rukhsah |
| Sah untuk beberapa solat fardu | Satu tayammum sah untuk satu solat fardu |
| Air | Debu tanah |
| Anggota wajib muka, kedua tangan hingga siku, kepala dan kaki. | Anggota wajib muka dan kedua tangan hingga siku. |

-

| Sujud Sahwi | Sujud Syukur | Sujud Tilawah |
| --- | --- | --- |
| Dilakukan kerana terlupa atau syak | Kerana mendapat nikmat. | Kerana membaca ayat sajadah. |
| Dilakukan dalam solat | Di luar solat | Dalam solat atau luar solat. |
| Dua kali sujud | Sekali sujud | Sekali sujud |

-

| Haji | Umrah |
| --- | --- |
| Ditunaikan dalam bulan haji sahaja | Bila – bila masa. |
| Ada wukuf | Tiada wukuf |
| | |

-

| Sembelihan Orang Islam | Sembelihan Bukan Islam |
| --- | --- |
| Kerana Allah | Bukan kerana Allah |
| Wajib memutuskan halkum dan merih | Tidak wajib memutuskan halkum dan merih |
| Halal dimakan | Haram dimakan |

-

| Korban | Akikah |
| --- | --- |
| Hari raya Haji dan hari Tasyrik | Bila-bila masa tapi afdal hari ketujuh selepas bayi dilahirkan. |
| Disedekah daging mentah | Disedekah daging telah dimasak |
| Tujuan beribadat kepada Allah | Tujuan kesyukuran mendapat anak |
| Bilangan bahagian binatang tidak ditentukan | Lelaki 2 bahagian perempuan 1 bahagian |

- SPM 2004

| **Ijmak** | **Qias** |
| --- | --- |
| Tidak terdapat nas yg boleh disandarkan hukum | Terdapat nas yg boleh disandarkan hukum. |
| | |
| | |

-

| Dosa besar | Dosa kecil |
| --- | --- |
| Dosa yang disebut dalam al Quran dan ancaman azab | Kesalahan di luar hukum hudud dan seksaan di akhirat |
| Cth membunuh, zina dll | Cth tidak tutup aurat, rosakkan harta awam |
| | |

-

| Undang-undang Islam | Undang-undang Manusia |
| --- | --- |
| Dicipta oleh Allah – utamakan keadilan | Dicipta oleh manusia – dipengaruhi |

| | |
|---|---|
| dan kesaksamaan utk semua manusia. | hawa nafsu dan tiada keadilan. |
| Lengkap meliputi semua aspek hidup. | Tidak lengkap berubah-ubah mengikut kehendak manusia |
| Meliputi dunia dan akhirat | Dunia sahaja |
| Mempunyai hubungan manusia dengan pencipta, manusia dan alam. | Hanya hubungan dengan manusia dengan manusia. |

-

| Am | Mutlak |
|---|---|
| Mempunyai lafaz tertentu. Cth : | Tidak mempunyai lafaz tertentu |
| Dalil am lebih umum dan luas | Dalil mutlak lebih khusus |
| Lafaznya meliputi semua maknanya yang tidak terhad | Lafaz menunjukkan kepada sesuatu hakikat atau beberapa perkara yang tidak tertentu. |

-

| Wakaf | Wasiat |
|---|---|
| Untuk semua sama ada waris atau tidak | Untuk selain drpd waris |
| Mesti dengan ain harta dan manfaatnya. | Boleh dengan manfaat harta sahaja |
| Kuatkuasa masa hidup | Kuatkuasa selepas kematian. |

-

| Talak | Fasakh | Khuluk |
|---|---|---|
| Hak suami | Hak suami dan isteri melalui hakim | Hak isteri meminta daripada suami dengan persetujuan |
| Boleh talak sebanyak 3 kali | Tidak mengurangkan jumlah talak | Tidak mengurangkan jumlah talak |
| Tiada bayaran | Tiada bayaran | Isteri dikenakan bayaran |
| Talak Raj’i boleh rujuk | Tidak boleh rujuk kecuali akad baru. | Tidak boleh rujuk kecuali akad baru. |
| Isteri berhak dapat mat’ah | Tiada mat’ah jika isteri minta fasakh | Tiada mat’ah |

-

| Tauhid Rububiah | Tauhid Uluhiah |
|---|---|
| Beriman bahawa Allah sahaja yg memiliki dan mentadbir alam ini. | Beriman bahawa Allah sahaja yang berhak disembah |
| Diimani dan diakui oleh orang kafir dan Islam | Diimani dan diakui oleh orang Islam sahaja. |
| | |

-

| Hudud | Qisas |
|---|---|
| Hukuman yang ditentukan kadarnya | Mengenakan hukuman yang sama |

| | |
|---|---|
| oleh syarak sama ada ia menjadi hak Allah ayau hak manusia. | dengan jenayah yang dilakukan terhadap orang lain yang melibatkan fizikal. |
| Tiada pihak yang mempunyai kuasa pengampunan. | Waris mangsa mempunyai kuasa pengampunan. |
| | |

## ***Nota : Pendapat Ulamak***

*** Tak ingat nama ulamak @ mazhab : tuliskan pendapat 1 / pendapat 2 .

**1. *Alat / Bahan Tayammum.* ( ms : 84 / T4 )**

- Syafi'i dan Hanbali : debu tanah yang suci.
- Hanafi dan Maliki : semua objek di atas bumi asalkan bersih spt tanah, pasir, batu dll.

**2. *Golongan Yang Harus Meninggalkan Puasa ( Rukhsah Puasa ).* ( ms : 105 / T4 )**

i. Orang sakit tiada harapan sembuh.

- Ibnu Abbas : wajib bayar fidyah satu cupak makanan bagi setiap hari puasa ditinggalkan

**ii. Perempuan hamil dan menyusukan anak yang bimbang kesihatan dirinya.**

- Syafi'i : wajib qadak dan fidyah.

**iii. Perempuan hamil dan menyusukan anak yang bimbang kesihatan anak.**

- Ibnu Umar, Ibnu Abbas & Dr. Yusuf Qaradawi : wajib fidyah sahaja.
- Syafi'i : wajib qadak sahaja.
- Ulamak lain : wajib qadak dan fidyah.

**3. *Had Umur Baligh.* ( ms : 112 / T4 )**

( semua ulamak – Syafi'i, Hanbali, Maliki & Hanafi berpendapat : budak lelaki mimpi keluar mani dikira baligh. Kanak perempuan yang bermimpi atau keluar haid dikira baligh ).

- Syafi'i, Hanbali & al Hasan al Syaibani : kanak-kanak lelaki dan perempuan berumur 15 tahun dikira baligh.
- Hanafi : budak lelaki 18 tahun dikira baligh. Perempuan 17 tahun.

**4. *Maksud* *( Tidak Sengaja ).* ( ms : 133 / T4 )**

- Mujahid : apa yang terjadi sebelum diturunkan larangan. Bermakna amalan menasabkan anak angkat kepada bapa angkat sebelum diturunkan ayat dikira tidak berdosa dan dianggap tidak sengaja.
- Qatadah : apabila seseorang menasabkan kepada orang lain yang bukan bapanya secara tidak sengaja maka tidaklah berdosa.

**5. *Kadar Wasiat Bagi Orang Tidak Mempunyai Waris*. ( ms :154 / T4 )**
( Ulamak sepakat : Orang yang meninggalkan waris, kadar tidak lebih 1/3 harta ).

- Jumhur ulamak : tidak lebih 1/3 harta.
- Mazhab Hanafi : harus lebih 1/3 harta.

**6. *Masalah Memberi Dan Menjawab Salam*. ( ms : 167 / T4 )**

i. **Memberi salam kepada orang bukan Islam**.

- Jumhur Fukaha' Syafie : tidak harus memberi salam.
- al Mawardi : tidak harus / harus dengan lafaz ' السلام عليك

ii. **Menjawab salam dari orang bukan Islam**.

- Jumhur : hendaklah menjawab dengan lafaz 'وعليكم
- al Mawardi : harus dengan lafaz ' وعليكم السلام

iii. **Memberi salam kepada orang fasik, orang berdosa besar**

- Ibnu Umar dan Bukhari : tidak sunat.
- Pendapat 2 : sunat kerana mereka adalah golongan Islam.

iv. **Memberi dan menjawab salam kepada kanak-kanak**.
( sunat memberi salam dan tidak wajib kanak-kanak menjawab salam orang dewasa )

- al Mutawalli dan sebahagian ulamak Syafie : sunat menjawab salam kerana mereka bukan mukallaf.
- Fukaha' mazhab Syafie :wajib menjawab salam kanak-kanak

**7. *Hukum Niabah Haji ( Upah Haji )*. ( ms : 204 / T4 )**

- Mazhab Syafi'i dan Hanafi : harus kerana terlalu tua, sakit tiada harapan sembuh dan sudah mati.
- Mazhab Maliki : makruh untuk yang sudah mati dan tidak sah bagi

yang

hidup.

**8. *Hukum Taklid Dalam Perkara Akidah.* ( ms : 29 / T5 )**

- Jumhur Ulamak : tidak harus bertaklid dalam akidah. – Pendapat paling kuat.
- al Zahiri : harus bertaklid dan iman mereka diterima.

**9. *Hukum Merokok.* ( ms : 163 / T5 )**

- Dr. Yusuf al Qaradawi : Haram. Kerana : mendatangkan penyakit seperti batuk dan membazirkan harta.
- Pendapat 2 : Makruh. Kerana : nafas berbau busuk, gangguan emosi ketika tidak merokok dan menjatuhkan maruah.

**10. *Hukum Buang Negeri Bagi Penzina.* ( ms : 169 / T5 )**

- Hanafi : tidak disertakan hukuman buang negeri dengan hukuman sebat.
